



**SOALAN LAZIM BERKAITAN PROGRAM KHAS PEREMITAN PENDAPATAN (PKPP)
KEPADA PEMASTAUTIN DI MALAYSIA YANG MEMPUNYAI PENDAPATAN YANG
DISIMPAN DI LUAR NEGARA**

(Dikeluarkan pada 17 Disember 2021)

A. UMUM

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Khas Peremitan Pendapatan (PKPP)?	<p>PKPP merupakan satu program khas yang diperkenalkan kepada pemastautin di Malaysia yang membawa masuk pendapatan ke Malaysia bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.</p> <p>Program ini diperkenalkan berikutan pindaan ke atas perenggan 28, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang menarik balik pengecualian cukai kepada pemastautin ke atas pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022.</p> <p>Pembatalan pengecualian cukai ini akan menyebabkan pendapatan yang disimpan di luar negara dan diremit ke Malaysia dikenakan cukai mengikut kadar cukai yang berkuat kuasa berdasarkan kategori pembayar cukai yang terlibat.</p>
2.	Apakah tujuan PKPP ini dilaksanakan?	<p>PKPP ini dilaksanakan bertujuan untuk :</p> <ol style="list-style-type: none">i. Menggalakkan pembayar cukai membawa kembali pendapatan yang disimpan di luar negara ke Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan tanpa tertakluk kepada semakan audit / siasatan dan pengenaan penalti.ii. Mengemas kini status / rekod percukaian pemastautin Malaysia yang mempunyai pendapatan yang disimpan di luar negara.iii. Mengurangkan kesan dan meringankan beban kepada pembayar cukai susulan daripada penarikan balik pengecualian pendapatan yang diremit dari luar negara yang telah diberikan sejak tahun 1998 dengan pengenaan cukai pada kadar istimewa.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
3.	Bilakah tempoh masa PKPP ini dilaksanakan dan berapakah kadar cukai yang ditawarkan?	Tempoh pelaksanaan PKPP adalah mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 (tempoh PKPP) . Kadar cukai yang ditawarkan adalah 3% (kasar) ke atas pendapatan yang dibawa masuk dalam tempoh PKPP .
4.	Siapakah yang layak untuk menyertai PKPP?	Pembayar cukai individu, syarikat, perkongsian liabiliti terhad, koperasi, badan amanah, amanah perniagaan, persatuan dan lain-lain yang merupakan pemastautin Malaysia layak untuk menyertai PKPP.
5.	Apakah jenis pendapatan dari luar negara yang tertakluk kepada PKPP?	Jenis pendapatan yang tertakluk kepada PKPP adalah pendapatan yang disimpan di luar negara yang diremitkan ke Malaysia oleh pemastautin sama ada pendapatan perniagaan, penggajian, dividen, sewa, faedah, royalti atau lain-lain termasuk pendapatan punca Malaysia dari tahun taksiran 2020 dan tahun taksiran sebelumnya yang belum dilaporkan.
6.	Apakah yang dimaksudkan pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia?	Pendapatan yang disimpan di luar negara dianggap diterima di Malaysia apabila pendapatan tersebut diremit / dibawa masuk / dipindahkan ke Malaysia secara fizikal atau melalui kaedah perbankan.
7.	Bagaimanakah cara untuk pembayar cukai menyertai PKPP?	Cara untuk menyertai PKPP adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Pembayar cukai perlu membuat pengisytiharan menggunakan borang khas (Borang PKPP) yang disediakan oleh LHDNM secara dalam talian dan boleh diakses melalui MyTax (https://mytax.hasil.gov.my/) mulai 1 Januari 2022 berdasarkan tarikh pendapatan dibawa masuk / diremit ke Malaysia atau secara sekali gus sebelum atau pada 30 Julai 2022. • Pendapatan dari luar negara hendaklah diterima di Malaysia dalam tempoh PKPP iaitu mulai 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022.
8.	Mengapa perlu menyertai PKPP sekiranya mempunyai pendapatan yang disimpan di luar negara?	Kelebihan menyertai PKPP adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Pendapatan yang diremitkan dikenakan cukai pada kadar istimewa iaitu 3% (kasar). ii. Peremitan dalam tempoh PKPP adalah TIDAK tertakluk kepada semakan audit / siasatan dan pengenaan penalti. iii. Semua pendapatan yang dibawa masuk dalam tempoh PKPP ini akan diterima secara suci hati oleh pihak LHDNM. iv. Layak menuntut potongan kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah seksyen 132/seksyen 133, ACP 1967.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		v. Mengemas kini status / rekod percukaian pemastautin Malaysia yang mempunyai pendapatan yang disimpan di luar negara.

B. LAYANAN KE ATAS PEREMITAN PENDAPATAN YANG DISIMPAN DI LUAR NEGARA DALAM TEMPOH PKPP (1 JANUARI 2022 - 30 JUN 2022)

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah peremitan pendapatan masih perlu dilaporkan di dalam borang nyata cukai pendapatan?	Ya. Pembayar cukai perlu melaporkan pendapatan yang disimpan di luar negara yang diremitkan di Malaysia di dalam borang nyata cukai pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2022 atau 2023, yang mana berkenaan.
2.	Sekiranya pendapatan yang diremitkan telah tertakluk kepada cukai di luar negara (cukai asing), adakah layak menuntut potongan kredit cukai?	Ya. Pembayar cukai boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 / seksyen 133 ACP 1967 sekiranya pendapatan yang telah diremitkan ke Malaysia tersebut telah dikenakan cukai asing sama ada dalam bentuk cukai pegangan atau cukai pendapatan. Pembayar cukai yang menuntut kredit cukai perlu menyimpan bukti cukai asing yang telah dibayar. Kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran TIDAK boleh melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar berhubung pendapatan yang diremitkan untuk tahun taksiran berkenaan dan mesti dituntut dalam tempoh dua tahun selepas akhir tahun taksiran 2022 atau 2023.
3.	Sekiranya pendapatan yang diremitkan adalah terbit dari laba/keuntungan modal, adakah tertakluk kepada PKPP?	Pendapatan yang disimpan di luar negara yang diremitkan ke Malaysia dan bersifat modal adalah TIDAK tertakluk kepada PKPP.
4.	Sekiranya pendapatan yang diremitkan adalah berpunca dari pendapatan yang telah dilaporkan di Malaysia, adakah tertakluk kepada tawaran PKPP?	Pendapatan punca Malaysia yang diremitkan dalam tempoh PKPP dan telah dilaporkan dalam tempoh yang sepatutnya adalah TIDAK tertakluk kepada tawaran PKPP ini.

Bil.	Soalan	Maklum Balas				
5.	Apakah kesan kepada pemastautin Malaysia yang tidak menyertai PKPP tetapi mempunyai pendapatan yang berpunca dari Malaysia bagi tahun taksiran 2020 dan tahun taksiran sebelumnya, yang disimpan di luar negara di mana pendapatan ini belum dilaporkan kepada LHDNM?	<p>Selepas tempoh PKPP tamat, pihak LHDNM akan menyemak dan meneliti maklumat pendapatan pemastautin Malaysia yang disimpan di luar negara yang telah diterima melalui perjanjian pertukaran maklumat percukaian dengan negara-negara lain.</p> <p>Sekiranya berdasarkan semakan, didapati pendapatan yang disimpan di luar negara yang berpunca dari Malaysia masih belum dilaporkan, taksiran / taksiran tambahan boleh dibangkitkan berserta dengan penalti selaras dengan peruntukan ACP 1967.</p>				
6.	Bagaimanakah cara membuat bayaran cukai bagi peremitan pendapatan yang telah dilaporkan dalam tempoh PKPP?	<p>Bayaran cukai hendaklah dibuat mengikut aturan pembayaran biasa yang telah ditetapkan bagi tahun taksiran 2022 atau 2023, yang mana berkenaan seperti panduan umum di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="639 824 1426 2042"> <tbody> <tr> <td data-bbox="639 824 911 1444">Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi</td> <td data-bbox="911 824 1426 1444"> <p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara perlu diambil kira dalam menentukan anggaran cukai kena dibayar (CP204) bagi tahun taksiran yang berkenaan.</p> <p>Pembayar cukai boleh meminda CP204 pada bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan seperti peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 atau pada bulan ke-11 tempoh asas (tahun taksiran 2022 sahaja).</p> <p>Lain-lain peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 terpakai.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="639 1444 911 2042">Selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi</td> <td data-bbox="911 1444 1426 2042"> <p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara adalah tertakluk kepada notis bayaran ansuran cukai (CP500) di bawah seksyen 107B, ACP 1967.</p> <p>Pembayar cukai hendaklah meminda CP500 pada atau sebelum 30 Jun 2022 dengan mengambilkira cukai tambahan yang terbit dari pendapatan luar negara yang diremit.</p> <p>Pembayar cukai yang tidak menerima atau tidak tertakluk kepada CP500 hendaklah menjelaskan bayaran ke atas cukai yang terbit dari semua</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi	<p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara perlu diambil kira dalam menentukan anggaran cukai kena dibayar (CP204) bagi tahun taksiran yang berkenaan.</p> <p>Pembayar cukai boleh meminda CP204 pada bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan seperti peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 atau pada bulan ke-11 tempoh asas (tahun taksiran 2022 sahaja).</p> <p>Lain-lain peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 terpakai.</p>	Selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi	<p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara adalah tertakluk kepada notis bayaran ansuran cukai (CP500) di bawah seksyen 107B, ACP 1967.</p> <p>Pembayar cukai hendaklah meminda CP500 pada atau sebelum 30 Jun 2022 dengan mengambilkira cukai tambahan yang terbit dari pendapatan luar negara yang diremit.</p> <p>Pembayar cukai yang tidak menerima atau tidak tertakluk kepada CP500 hendaklah menjelaskan bayaran ke atas cukai yang terbit dari semua</p>
Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi	<p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara perlu diambil kira dalam menentukan anggaran cukai kena dibayar (CP204) bagi tahun taksiran yang berkenaan.</p> <p>Pembayar cukai boleh meminda CP204 pada bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan seperti peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 atau pada bulan ke-11 tempoh asas (tahun taksiran 2022 sahaja).</p> <p>Lain-lain peruntukan di bawah seksyen 107C, ACP 1967 terpakai.</p>					
Selain syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi	<p>Cukai ke atas pendapatan yang diremitkan dari luar negara adalah tertakluk kepada notis bayaran ansuran cukai (CP500) di bawah seksyen 107B, ACP 1967.</p> <p>Pembayar cukai hendaklah meminda CP500 pada atau sebelum 30 Jun 2022 dengan mengambilkira cukai tambahan yang terbit dari pendapatan luar negara yang diremit.</p> <p>Pembayar cukai yang tidak menerima atau tidak tertakluk kepada CP500 hendaklah menjelaskan bayaran ke atas cukai yang terbit dari semua</p>					

Bil.	Soalan	Maklum Balas	
			punca termasuk pendapatan luar negara yang diremit pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP yang ditetapkan.
7.	Bolehkah pembayar cukai memilih untuk tidak membuat pindaan CP204 / CP500 dan hanya menjelaskan bayaran cukai secara sekali gus pada tarikh akhir pengemukaan BNCP?	Sekiranya tiada pindaan CP204 / CP500 dikemukakan, bayaran boleh dibuat pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pembayar cukai adalah tertakluk kepada kenaikan cukai sebanyak 10% sekiranya terdapat perbezaan melebihi 30% di antara amaun sebenar cukai yang kena dibayar dan CP204 / CP500 tersebut.	